

**GAGASAN 1MALAYSIA: KREATIVITI & INOVASI DALAM PEMBINAAN PERADABAN** oleh Mohd Yusof Othman. 2012. Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur. Halaman 111. ISBN 9-789671-070444.

Penulis buku ini tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau adalah seorang pakar Fizik. Memperoleh PhD dalam bidang “*water-to-water heat pump system*” daripada Universiti Aston. Menariknya penulis ini, beliau bukan sekadar pakar sains dan teknologi, namun beliau turut mempromosikan gabung jalin antara sains dan Islam. Gagasan Sains Tauhidik adalah antara gagasan yang sentiasa diperjuangkannya. Walaupun berada dalam bidang sains, namun perjuangannya dalam menghubungkan bidang sains dan Islam membawa kepada pengiktirafan negara diberikan kepadanya. Pada 2006, beliau dianugerahkan dengan Tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan. Profesor Dato’ Dr. Mohd Yusof Haji Othman, adalah bekas pengarah di Institut Islam Hadhari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Buku yang disusunnya ini nipis jika ingin dibandingkan dengan pengalamannya dan kepakarannya yang luas dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Namun buku ini membawa idea dan gagasan utama penulis kepada dua perkara pokok iaitu; 1) merangsang budaya inovasi di kalangan masyarakat dan negara Islam, dan 2) menekankan peranan nilai dalam setiap inovasi yang dihasilkan. Buku ini, bagi pandangan pengulas, merupakan antara legasi utama penulis buat tatapan masyarakat umum. Maka tidak hairan, apabila pembaca yang membaca buku ini, akan menikmati setiap patah kata dan merasakan seolah-olah sedang berbicara secara bersendirian dengan penulis. Gaya bahasa yang digunakan santai, tidak terlalu ilmiah, walaupun hujah-hujah yang digunakan kadang-kadang agak ilmiah dan hanya mampu difahami oleh orang yang berada dalam bidang. Namun, itu tidak menghalang pembaca daripada menikmati dan mengutip setiap panduan dan pedoman yang ingin disampaikan oleh penulis.

Sesuai dengan gaya bahasa santai, kadang-kadang pembaca akan merasa maklumat yang sama diulang-ulang. Sebab itu pengulas menyatakan bahawa ada legasi penting yang ingin disampaikan oleh penulis kepada masyarakat Islam secara umum. Banyak hujah diberikan, dalam keadaan tidak ada keperluan pun untuk dileret-leretkan hujahan tersebut. Namun, pengulas merasakan hujahan yang diberikan sebagai berpadanan apabila melihat kepada gaya bahasa santai yang digunakan penulis. Sesiapa yang pernah berjumpa dengan penulis, akan merasakan seperti dapat mendengar penulis berbicara dengan gaya bahasa yang biasa.

Dalam buku ini, penulis tidak bahagikan kepada bab. Sebaliknya, buku ini dibahagikan kepada beberapa sub-topik. Ada sembilan sub-topik, bermula dengan pendahuluan dan diakhiri dengan kesimpulan. Dalam pendahuluan, penulis mengulas mengenai sejarah perkembangan inovasi yang bermula seawal penghujung abad ke-19. Perbahasan mengenai inovasi makin rancak selaras dengan gagasan globalisasi yang diperkenalkan oleh Presiden Clinton pada tahun 1990. Namun, sejarah ini berkembang dalam kerangka sistem komunis dan kapitalis menjadikan inovasi hanya dilihat sebagai satu usaha untuk menambah kekayaan. Oleh kerana itu, menurut penulis, perbahasan mengenai inovasi banyak dipelopori oleh tokoh-tokoh ekonomi dan menjadi agenda utama syarikat-syarikat besar. Selaras dengan perkembangan ini, diperkenalkan teori-teori mengenai pemikiran kreatif dan inovatif. Namun, pandangan ini cuba diubah oleh seorang sarjana Islam bernama Taha Jaber al-Awani yang meletakkan tiga asas pada penghasilan inovasi, iaitu; 1) bahan pemikiran mestilah berdasarkan sumber yang benar, sahih, autentik, berautoriti dan bermakna, 2) inovasi yang ingin dihasilkan mestilah memberi manfaat, bukan sekadar keuntungan semata-mata, dan 3) inovasi mestilah disulahi nilai agama, agar hasil inovasi tidak membawa kemudaratan.

Dalam sub-topik kedua, penulis membawa persoalan, kenapa perlu kreativiti dan inovasi? Penulis sendiri memberikan jawapan. Manusia diberi tugas untuk mentadbir alam. Maka manusia perlulah berinovasi selaras dengan bentuk pentadbiran yang mereka mahukan. Dalam hal ini, manusia perlu ada ilmu untuk mengubah suai bahan dan sumber alam yang berada di sekitar mereka. Untuk memastikan manusia sentiasa dipersiapkan untuk menghasilkan inovasi, maka perlu ada peningkatan pada lima unsur, iaitu; ilmu, sikap, tingkah laku, disiplin dan azam. Tanpa lima unsur ini, manusia tidak akan mampu berinovasi. Peningkatan perlu sentiasa dilakukan kerana inovasi bersifat dinamik. Perubahan sentiasa berlaku. Isu ini yang melanda negara-negara dunia ketiga apabila Allah berikan kepada mereka sumber alam yang banyak, namun mereka tidak mampu memanipulasi sumber tersebut untuk kemajuan mereka, sebaliknya mereka memandang pada keuntungan jangka pendek, dan terus kekal tidak berdaya saing. Berbeza keadaannya pada negara-negara maju seperti Jepun yang terpaksa bergantung harap kepada sumber daripada negara lain, namun muncul sebagai negara maju yang berdaya saing kerana kemampuan mereka berinovasi dan menjana ekonomi daripada produk-produk yang dihasilkan daripada sumber yang mereka dapatkan daripada negara-negara mundur.

Dalam sub-topik ketiga, penulis mula memasuki sejarah kreativiti dan inovasi di dalam Islam. Perbahasan dimulakan dengan melihat konsep inovasi di dalam Islam, kerana tidak semua perkara boleh diinovasikan dalam Islam. Inovasi yang tidak dibolehkan melibatkan ibadah-ibadah khusus seperti solat dan haji yang mesti bersandarkan kepada nas sama ada al-Quran atau al-Hadis. Inovasi kepada ibadah khusus dipanggil *bid'ah*, manakala pelakunya diancam dengan kesesatan dan azab neraka. Sebaliknya, Islam membuka ruang seluas-luasnya untuk berinovasi dalam hal yang melibatkan ibadah-ibadah umum, terutamanya yang melibatkan muamalat. Penulis turut menyelusuri sirah Rasulullah S.A.W. yang mengangkat para sahabat yang berinovasi. Contohnya Salman al-Farisi yang memberi idea menggali parit dalam Perang Khandaq dan Abdul Rahman bin Auf yang memonopoli pasar menggunakan sistem muamalat Islam. Meneruskan legasi inovasi Rasulullah S.A.W., para Khulafa' ar-Rasyidin turut berinovasi ketika pentadbiran mereka. Begitulah berterusan amalan-amalan berinovasi sehingga ilmuan Islam mendahului ilmuan barat dalam banyak penemuan-penemuan ilmu sains, antaranya; peredaran darah, pembiasan cahaya, udara dan beratnya, hukum graviti, evolusi dan astronomi. Amalan inovasi ini masih diteruskan di Malaysia, apabila ada inovasi-inovasi sistem yang dikagumi oleh dunia Islam yang lain, antaranya; penubuhan Tabung Haji, sistem zakat dan pensijilan halal.

Dalam sub-topik keempat, penulis mula mengorak langkah secara lebih khusus mengenai maksud kreativiti dan inovasi. Penulis mulakan sub-topik ini dengan saranan agar inovasi dimulakan oleh individu, manakala peranan organisasi atau kerajaan pula adalah dari sudut penyediaan wahana bagi merealisasikan idea inovasi tersebut. Menguatkan hujah kenapa saranan ini diberikan, penulis memberikan beberapa contoh industri-industri besar dan perkembangannya yang berlaku di serata dunia. Antaranya; industri kereta, pembuatan mentol dan mesin fotokopi dimulakan oleh tokoh-tokoh inovasi seperti Ford, Edison dan Carlson dari Amerika, namun dimonopoli kini oleh syarikat-syarikat Jepun. Hal ini terjadi kerana Jepun tidak sekadar terkehadapan dari sudut pembuatan, bahkan turut terkehadapan dari sudut pengkomersialan. Kehebatan budaya inovatif Jepun sehinggakan mereka turut memikirkan penyelesaian masalah bagi negara-negara lain, walaupun tidak dialami oleh mereka di Jepun. Mereka juga mengamalkan etika kerja yang terpuji seperti amanah dan tidak curi tulang. Melalui budaya kerja inovatif dan etika kerja yang terpuji, mereka bukan sahaja menguasai bidang sains dan teknologi, bahkan turut mengembangkan inovasi dalam bidang sastera, pentadbiran, pendidikan dan lain-lain. Etika kerja ini memberi kesan kepada sifat ingin tahu yang tinggi, keberanian untuk mencuba sesuatu yang baru, perasaan tidak puas hati terhadap apa-apa yang ada dan sentiasa ingin merubah kepada cara hidup yang lebih baik. Penulis menyimpulkan sub-topik ini dengan gesaan agar individu Muslim tidak boleh selesa dengan apa-apa

yang ada, menjangkakan masa depan berdasarkan realiti semasa dan cuba merubah cara hidup ke arah yang lebih baik. Perubahan ini yang mesti dilakukan tanpa menggadaikan konsep, falsafah, tasawur dan pegangan hidup seseorang Muslim.

Dalam sub-topik kelima, penulis mula meneroka dengan lebih mendalam mengenai negara-negara yang mengamalkan budaya kreativiti dan inovasi. Permulaan perbahasan disoroti dengan tamadun-tamadun lama dunia yang berada sekitar Lautan Mediteranean, begitu gah satu ketika dulu, namun tidak lagi menonjol dalam kegiatan inovasi pada masa kini. Maka, kajian kes ini dijalankan kepada dua negara maju pada hari ini, iaitu Jepun dan Switzerland. Melalui perbandingan antara fakta kedua-dua negara, penulis membuat enam kesimpulan dari sudut faktor yang tidak mempengaruhi kemajuan sesebuah negara, iaitu; 1) bilangan penduduk, sama ada sedikit atau ramai, 2) keadaan cuaca yang tidak menentu dan musibah seperti gempa bumi dan tsunami, 3) keadaan geografi seperti muka bumi yang bergunung-ganang dan tidak sesuai untuk pertanian, 4) kekurangan sumber bahan mentah, 5) penguasaan bahasa asing yang lemah, dan 6) pertukaran pemimpin negara. Sebaliknya, persamaan antara Jepun dan Switzerland adalah; 1) bilangan universiti yang banyak, 2) kefahaman terhadap permintaan produk keluaran tempatan di peringkat antarabangsa walaupun dalam kekangan kekurangan sumber, 3) rakyat yang sangat berdisiplin dan mempunyai etika terpuji, dan 4) mempunyai banyak syarikat serta jaringan perniagaan di serata dunia. Kesimpulan daripada penulis mengenai kajian kes ini, kelemahan tidak menjadi halangan buat Jepun dan Switzerland terus maju dan berdaya saing. Sebaliknya usahakan agar dapat berinovasi dalam kekangan ada. Semuanya bermula daripada kejayaan pendidikan mereka yang membentuk pemikiran dan budaya fikir masyarakat mereka.

Dalam sub-topik keenam, penulis merumuskan sembilan iktibar yang boleh diambil daripada kehebatan kreativiti dan inovasi yang diamalkan oleh negara-negara maju dan mesti diamalkan di negara-negara Islam. Satu, keperluan mengamalkan etika (nilai dan akhlak) dalam kehidupan kerana melalui etika, terbitnya budaya kerja bersungguh dan berusaha melakukan yang terbaik. Dua, menanam integriti yang tinggi dalam kehidupan dan tidak hanya memfokuskan kepada perdebatan ilmiah yang berlegar di kalangan ilmuan sahaja. Tiga, menjalankan bertanggungjawab dan peranan masing-masing ketika berhadapan musibah, sama ada dari sudut kerja hakiki, mahupun kerja sukarelawan, atas kadar kemampuan masing-masing. Empat, patuh segala undang-undang dan peraturan yang telah digubal, serta ubah peraturan tertentu untuk disesuaikan dengan situasi semasa. Lima, hormat hak majoriti selagimana tidak bertentangan dengan kerangka syarak, dan raikan hak minoriti. Enam, tonjolkan kesungguhan ketika bekerja dan anggap ia sebagai sebahagian daripada tugas *khalifatullah*. Tujuh, jimatkan kos dan melabur serta menabung untuk masa depan dengan mengoptimumkan dana sedia ada. Lapan, pastikan ada hasil yang signifikan daripada kesungguhan kerja yang dilakukan. Sembilan, tepati masa supaya sesuatu projek yang sedang diusahakan dapat dilaksanakan mengikut rangka masa yang ditetapkan. Kesimpulannya, penulis mengaitkan kesan kesembilan etika ini, jika diamalkan oleh rakyat dalam sesuatu negara, akan memberi impak yang sangat besar.

Dalam sub-topik ketujuh, penulis membahaskan mengenai kreativiti dan inovasi tanpa nilai. Penulis memulakan perbahasan dengan menukilkan dapatan beberapa kajian yang dijalankan berkenaan dengan mudarat yang berlaku akibat daripada ilmu yang tinggi tanpa adanya didikan yang baik. Penulis membentangkan tiga kajian yang dilakukan oleh tiga pengkaji mengenai ilmu tanpa nilai. Rumusan daripada dapatan ketiga-tiga kajian tersebut ialah; 1) individu berilmu akan mengambil kesempatan atas kejahilan masyarakat untuk kepentingan diri mereka, 2) alpa pada pembangunan manusia kerana terlalu mengejar kemajuan sains dan teknologi, dan 3) pendidikan tinggi menjadi kilang menghasilkan pekerja dan lupa pada matlamat sebenar pendidikan. Kesimpulannya, penulis

menukil beberapa pandangan sarjana yang meletakkan keperluan sains dan teknologi diikat dengan ajaran agama agar tidak terpesong jauh daripada roh asal pendidikan.

Seterusnya penulis mula membahaskan mengenai akibat apabila inovasi dihasilkan tanpa mengambil kira nilai keagamaan dan kemanusiaan. Akibat tersebut dibahas dalam tiga sudut, iaitu akibat kepada bumi dan alam, akibat kepada ekonomi dan akibat kepada sosial. Dari sudut akibat kepada bumi dan alam, yang paling utama adalah pemanasan global. Rangkaian daripada pemanasan global, ada kesan-kesan lain seperti ekosistem alam tidak seimbang, peningkatan suhu dunia, peningkatan aras laut, manusia kehilangan tempat tinggal, terjadinya bencana alam seperti ribut taufan, gempa bumi dan letusan gunung berapi, kebakaran hutan, penurunan hujan di luar musim, penurunan salji di tempat-tempat yang tidak pernah ada salji, kemarau berpanjangan dan tsunami. Semuanya berpunca daripada pembakaran bahan bakar fosil. Dari sudut ekonomi pula, penulis menyatakan bahawa impak buruk berlaku apabila inovasi dalam kegiatan ekonomi hanya mementingkan keuntungan dan mengabaikan tanggungjawab sosial dan tanggungjawab kepada alam. Puncanya adalah sikap pentingkan diri sendiri. Dalam hal ini, tiada sistem ekonomi sesempurna sistem ekonomi Islam. Penulis menukil pandangan Fukuyama, seorang pakar ekonomi yang membahaskan mengenai penggunaan sistem kapitalis, berlangsung baik pada awalnya, namun memberi kesan yang buruk, terutama ketika berdepan dengan krisis ekonomi.

Dari sudut sosial pula, apabila pelbagai teori disusun dengan mengenyampingkan unsur agama, maka akhirnya berlaku kekacauan dalam sistem sosial manusia. Kebahagiaan manusia mula dinilai dengan harta, pangkat, populariti dan bakat. Keadaan ini mengakibatkan wujudnya tiga fahaman besar yang sesat, iaitu; 1) sekularisme yang mempersoalkan kewajaran adanya agama, 2) sosialisme yang tidak percaya kepada dana kerajaan untuk penganjuran program-program kemasyarakatan, dan 3) seksualisme yang mempromosikan seks bebas seperti perkahwinan sejenis dan perkahwinan plural. Masalah-masalah ini akhirnya membawa kepada penerimaan Islam sebagai penyelesaian oleh sebahagian rakyat di Barat. Penulis datangkan lagi bukti kepincangan sistem yang tidak bersandarkan kepada agama yang dapat dilihat melalui indeks kebahagiaan negara yang mendapati negara-negara yang kurang kegiatan inovasinya lebih membahagiakan berbanding negara yang memberi fokus kepada kegiatan inovasi. Puncanya adalah pengabaian faktor manusiawi dalam kegiatan berinovasi.

Dalam sub-topik kelapan, penulis mula membahaskan mengenai kreativiti dan inovasi perspektif Islam. Bagi pengulas, sub-topik ini sangat signifikan diletakkan di turutan ini. Hal ini kerana sub-topik ini seperti kesinambungan bagi sub-topik sebelumnya yang merumuskan negara yang tidak inovatif lebih membahagiakan. Seolah-olahnya lebih baik tidak inovatif untuk memperoleh kebahagiaan. Maka, apa perspektif Islam dalam hal ini? Di awal perbahasannya, penulis terus memberikan jawapan, iaitu Islam sangat mementingkan kreativiti dan inovasi. Penulis datangkan hujah daripada nas Qurani bahawa Allah Taala mencipta sesuatu dengan kadar tertentu (al-Qamar, 54:49), keseimbangan (al-Mulk, 67:3) dan penuh aturan (Yasin, 36:40). Kesemuanya mesti diperhatikan dan menjadi tanda bagi *ulul albab* (Ali Imran, 3:190-191). Ayat-ayat Allah dan perjalanan alam menjadi inspirasi kepada manusia untuk berkreativiti dan berinovasi. Ia adalah ibadah dan merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

Akhirnya, penulis membuat beberapa kesimpulan. Sembilan maklumat penting bagi pengulas. Satu, kreativiti dan inovasi sangat penting dalam kehidupan, Dua, umat Islam perlu terlibat dalam aktiviti kreativiti dan inovasi agar tidak menjadi mangsa kepada mereka yang kreatif. Tiga, umat Islam perlu pandai memanfaatkan sumber alam yang ada di sekitar untuk diinovasikan. Empat, aktiviti kreativiti dan inovasi perlu disulami antara sains dan agama untuk mengelakkan kemudaratan-kemudaratan yang lain. Lima, agama mesti menjadi pemandu kepada sains dan teknologi. Enam, akibat daripada

tidak mengikat kegiatan inovasi dengan agama adalah pemahaman-pemahaman yang sesat lagi menyesatkan. Tujuh, ilmuan agama perlu terkedepan dalam mengingatkan golongan *mad'u* daripada keruntuhan moral dan akhlak. Langkah yang diambil oleh ilmuan agama itu, mestilah kreatif dan inovatif. Lapan, kreativiti dan inovasi tidak terhad kepada bidang sains dan teknologi sahaja, bahkan meliputi kesemua bidang. Sembilan, Malaysia telah membuktikan kemampuannya memperkenalkan beberapa sistem inovatif seperti Tabung Haji, sistem kewangan Islam, sistem wakaf, persijilan halal dan lain-lain. Di sebalik pelbagai kejayaan yang ada, penulis tetap menggesa agar individu yang kreatif dan inovatif meletakkan bergerak dalam satu sistem agar matlamat yang lebih besar dapat dicapai, dalam konteks pembangunan negara sejahtera.

Di sebalik setiap hasil manusia, pasti ada kelemahan tertentu. Pengulas berjaya mengesan empat kekurangan yang terdapat pada buku ini. Satu, perbincangan penulis dalam sub-topik keempat, iaitu mengenai pengertian kreativiti dan inovasi, sebaiknya dimulai atau disimpulkan dengan memberikan satu atau dua ayat ringkas, untuk menggambarkan maksud kreativiti dan inovasi, serta perbezaan antara kreativiti dan inovasi. Dua, terdapat fakta yang dirujuk pada sumber sekunder. Contohnya hadis yang terdapat pada halaman 21, tidak dirujuk pada sumber asal, iaitu Sahih al-Bukhari atau Sahih Muslim. Sumber Mustafa Abdul Rahman atau an-Nawawi yang dinyatakan dalam halaman ini pula, tidak dimasukkan dalam senarai rujukan di halaman belakang. Tiga, terdapat sedikit kesilapan pada susun atur pada halaman 72 dan 73, apabila teks asal dalam bahasa Inggeris tersilap letak. Empat, penulis ada merujuk rajah 3 dengan menyebut warna merah dan biru (rujuk halaman 73), namun rajah 3 dicetak dalam warna hitam putih (rujuk halaman 74). Sebagai tambahan, pengulas turut ingin mencadangkan agar data-data yang bersifat saintifik dan sentiasa berubah seperti rajah 3 di halaman surat 74 dan rajah 4 di halaman 75 disertakan dengan kod QR untuk akses kepada laman sesawang asal, bagi memudahkan pembaca mendapatkan maklumat yang lebih terkini. Empat teguran serta tambahan satu cadangan ini boleh difikirkan oleh penulis agar buku ini dapat ditambah nilai. Teguran ini dibuat sesuai dengan roh di sebalik kreativiti dan inovasi itu sendiri, iaitu mengusahakan sesuatu sehingga mencapai tahap kualiti terbaik serta memanfaatkan teknologi yang ada kini. Walau bagaimanapun, teguran pengulas mengenai buku ini tidaklah mengurangkan sedikit pun kebaikan dan manfaat yang banyak yang ada padanya. Penulis berjaya membuka minda pengulas mengenai keperluan umat Islam melibatkan diri secara langsung dengan kegiatan berkreativiti dan berinovasi. Pengulas yakin, perasaan yang sama akan dirasai oleh pembaca-pembaca yang lain.

**Wan Ali Akbar Wan Abdullah**  
Universiti Kebangsaan Malaysia